

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2015/2016

NAMA KURSUS	:	PSIKOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 10202
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2015/JANUARI 2016
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN DARIPADA LIMA (5) SOALAN YANG DISEDIAKAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Psikologi adalah ilmu penting yang banyak membantu pendidik dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran,
- (a) Apakah definisi psikologi. (5 markah)
- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, rumuskan ilmu psikologi dalam konteks pembelajaran dan pengajaran. (10 markah)
- (c) Bezakan antara pertumbuhan dan perkembangan. Jelaskan. (10 markah)
- S2** Ilmu Psikologi mempunyai pelbagai pendekatan yang terkenal dalam kalangan ahli-ahli psikologi pendidikan,
- (a) Nyatakan dari sudut pendekatan behaviourisme. (5 markah)
- (b) Nyatakan dari sudut pendekatan humanistik. (5 markah)
- (c) Nyatakan dari sudut pendekatan kognitif. (5 markah)
- (d) Huraikan perbezaan pendekatan psikologi barat dengan pendekatan psikologi islam. (10 markah)
- S3** “Seluruh pengalaman emosi mengandungi tiga aspek seperti berikut: tingkah laku rangka atau tingkah laku nyata, tingkah laku dalaman, dan pengalaman emosi....” Dengan merujuk pernyataan di atas,
- (a) Huraikan satu situasi di mana yang anda perhatikan seorang individu atau satu kumpulan orang mengalami kegembiran emosi yang hebat. Apakah rangsangan yang membangkitkan tindak balas itu? (10 markah)
- (b) Abraham Maslow memperkenalkan model keperluan manusia lima tingkat. Huraikan model tersebut dalam mempengaruhi emosi kehidupan manusia. (15 markah)

S4 “Institusi Pendidikan khususnya sekolah adalah amat penting dalam pembentukan potensi anak bangsa.....”

Merujuk kepada pernyataan ini,

- (a) Huraikan perkaitan antara perkembangan sosial dengan perkembangan watak. (5 markah)
- (b) Cadangkan cara-cara bagaimana sekolah pelbagai peringkat boleh menolong kanak-kanak yang membesar menyuburkan sikap sosial dan corak tingkahlaku yang diingini. (10 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan seorang yang “berwatak cemerlang”? Senaraikan sepuluh (10) orang pemimpin politik dan sosial yang terkenal hari ini. Bincangkan kegiatan mereka yang ditinjau dari sudut watak. Apakah satu keperluan yang amat besar bagi dunia hari ini? (10 markah)

S5 “Tranformasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025) mensasarkan Pembangunan Modal Insan Yang Berkualiti....”.

- (a) Nilaikan tujuan pembelajaran ilmu psikologi pendidikan dalam kontek Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia itu, (10 markah)
- (b) Huraikan lima (5)langkah bagaimana guru dapat membantu pelajar-pelajar membina konsep kendiri positif dalam memenuhi hasrat pembangunan modal insan yang berkualiti, dinamik dan proaktif, (15 markah)

-SOALAN TAMAT-